

03/03/1998

GP '98 tetap tarik pelancong ke Johor - Jimmy

Ahmad Fauzi Mustafa

GRAND Prix (GP) Malaysia di Litar Pasir Gudang dijangka mendapat sambutan lebih meriah kerana kedudukannya yang strategik di pintu masuk utama antarabangsa, di selatan Semenanjung.

Kesungguhan mula ditunjukkan Jabatan Pelancongan Johor selaku di antara nadi penganjuran, yang turut diberi mandat bagi mempromosi kejohanan motosikal GP di negeri itu, yang pertama di luar Lembah Klang sejak 1991.

Boleh dikatakan, 1998 adalah tahun bertuah kerajaan Johor, Kelab Motor Johor (KMJ) yang menganjurkan kejohanan serta Sports Communications Sdn Bhd selaku pihak pengurusan Litar Pasir Gudang, yang dijangka mendapat manfaat bagi tempoh jangka panjang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penaung GP Malaysia, diberi penghormatan untuk merasmikan kejohanan itu pada 19 April ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Johor, Datuk Jimmy Low, yang menganggarkan kos promosi GP Malaysia menelan belanja kira-kira RM5 juta bagi menarik pelancong mengunjungi negeri itu.

Sesudah mendapat restu Malaysian Airport Berhad (MAB) selaku pemegang hak eksklusif penganjuran GP Malaysia, Jabatan Pelancongan Johor percaya setiap persiapan sudah diatur rapi menyambut kedatangan pengunjung.

Malah, hotel, restoran dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai, akan membuat pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan sebagai menyambut tetamu tempatan dan asing.

"Saya yakin orang ramai terutama pelancong sudah mengetahui kejohanan GP Malaysia akan diadakan di sini.

"Tidak dinafikan, warga Singapura yang kebanyakan peminat fanatik motosikal berkuasa tinggi sekali lagi akan membanjiri litar Pasir Gudang dengan jumlah lebih ramai berbanding dahulu.

"Kesempatan seperti itu memberi kesan positif terhadap ekonomi negara yang sedang kegawatan. Sekurang-kurangnya GP Malaysia boleh membantu menstabilkan semula ekonomi kita," kata Low ketika ditemui di Kluang, kelmarin.

Bagaimanapun, ada segelintir pengkritik sukan yang menganggap pertukaran GP Malaysia dari Shah Alam ke Pasir Gudang memberi keuntungan kepada Singapura yang berkemungkinan menyediakan pakej istimewa seperti 'Sila ke Singapura untuk menyaksikan GP Malaysia'.

Mereka (pengkritik) berpendapat sesiapa boleh pergi menyaksikan GP Malaysia, tetapi apabila berbelanja pastikan ia di Singapura. Jadi bagi pengkritik, kita keluarkan kos dan belanja, orang lain kaut lebih banyak untung.

Justeru, Low menyangkal perkara seumpama itu tidak akan menjejaskan sumber pelancongan negeri itu serta kemeriahan GP Malaysia.

"Lagipun, kita sudah menghantar banyak risalah ke luar negara dan rakyat asing yang tahu perlumbaan motosikal GP Malaysia di sini, akan tetap tinggal di Johor Bahru atau Pasir Gudang disebabkan nilai ringgit masih rendah," katanya.

(END)